



**TEKS UCAPAN
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERTANDINGAN BOLING
PERSAHABATAN ANGKASA DAN MEDIA
2024**



**21 JANUARI 2024 (AHAD)
2.00 PETANG
SUNWAY MEGALANES, SUNWAY
PYRAMID, SUBANG JAYA**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum W.B.T



Salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan bersama – sama bertemu, beriadah, merehatkan minda dan beramah mesra



mengeratkan silaturahmi dan ukhwah melalui penganjuran **Pertandingan Boling Persahabatan ANGKASA dan Media 2024.**

2. Di kesempatan ini saya mewakili Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad ringkasnya ANGKASA ingin mengucapkan setinggi – tinggi



penghargaan kepada sahabat serta wakil media atas kesudian meluangkan bersama untuk hadir beriadah bersama melalui pertandingan ini.

3. Sesungguhnya kehadiran anda semua amat bermakna buat ANGKASA. Menerusi sokongan



berterusan daripada rakan-rakan media, usaha ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa yang **menaungi 15,556 buah koperasi dengan 7.3 juta keanggotaan** dalam menggerak serta memacu perniagaan koperasi dapat



disebarluas dan menjadi perhatian bukan sahaja oleh masyarakat umum malah dari pihak kerajaan, swasta dan semua pemegang taruhnya.

4. Peranan penting yang dimainkan oleh warga media dalam memberi hebahan mengenai peranan gerakan koperasi dalam aspek pembangunan



negara tidak harus disangkal oleh mana – mana pihak. Media menerusi kepelbagaian platformnya sekian lama menjadi penghubung antara ANGKASA dengan anggota dan pemegang taruhnya menerusi terbitan berita dan penulisan secara berterusan yang memberi impak



positif ke atas pembentukan tanggapan umum kepada koperasi.

5. Pelbagai usaha telah digerakkan oleh ANGKASA sebagai badan puncak bagi meningkatkan keterlibatan koperasi dalam aktiviti perniagaan berimpak tinggi dan memberi manfaat secara terus



kepada kehidupan rakyat seperti Projek Barang Asas 100 (BA100), Ternakan Lembu Tenusu Heifer's Park, COOPFARMASI, COOPUMRAH dan lain – lain. Saya amat berterima kasih kerana usaha – usaha ini telah mendapat liputan yang amat baik daripada rakan – rakan media yang dikasihi.



Hadirin dan hadirat sekalian,

6. ANGKASA dan media mempunyai hubungan simbiosis yang amat rapat dan hubungan ini terus diperkukuhkan dari tahun ke tahun. Adalah menjadi harapan saya, dan seluruh warga ANGKASA supaya hubungan ini dapat dikekalkan dan dipereratkan lagi



dalam mencapai hasrat murni menyebarkan maklumat mengenai koperasi sebagai wadah perjuangan ekonomi yang mapan baik kepada masyarakat mahupun kepada negara.

7. Pada hari ini, saya amat gembira dan berbesar hati dengan penyertaan



24 pasukan seramai **72 peserta** dari pelbagai organisasi media utama. Hari ini adalah hari untuk kepimpinan dan pengurusan kanan ANGKASA serta pengurusan kanan subsidiari dan syarikat bersekutu untuk bersuai kenal dan mengeratkan silaturrahim dengan pengamal media.



8. Pertandingan hari ini juga menerima tajaan baju dan hadiah cabutan bertuah dari subsidiari dan syarikat bersekutu ANGKASA iaitu MyANGKASA Holdings Sdn Bhd, MyANGKASA Amanah Berhad, MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. dan MyISCO Sdn. Bhd. serta koperasi naungan ANGKASA.



9. MyANGKASA Amanah Berhad yang menyambut ulang tahun ke-10 pada tahun ini turut meraikan rakan media dengan baucar bernilai **RM500 untuk semua peserta.** Baucar MyANGKASA Amanah ini boleh digunakan untuk produk MyWasiat (RM150 rebate) dan produk MyHibah/



MyAset Pilihan Pasangan (Rebat RM350).

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Besar harapan saya dan juga ANGKASA agar hubungan baik akan terus dipererat serta diperkukuh. Terima kasih juga diucapkan kepada



rakan – rakan media kerana sokongan berterusan dalam menyebarkan agenda ANGKASA untuk terus mendokong cita – cita kerajaan dalam membangunkan sosioekonomi koperasi yang berdaya maju dan sejahtera untuk rakyat Malaysia.



11. Setinggi -tinggi tahniah diucapkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat, Kumpulan Perhubungan Strategik atas kejayaan menganjurkan program tahunan ini yang menjadi jambatan penghubung antara ANGKASA dan pengamal media.



12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **Pertandingan Boling Persahabatan ANGKASA dan Media 2024.**

Sekian, terima kasih.